

Pelaburan dari AS dijangka lebih aktif

Kuala Lumpur: Pelaburan dari Amerika Syarikat (AS) akan lebih aktif di Malaysia selepas Presiden Barack Obama melakukan lawatan rasmi tiga hari mulai Sabtu ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Rastam Mohd Isa, berkata walaupun sudah 48 tahun tidak ada Presiden AS melawat negara ini tetapi hubungan dagangan berjalan dengan baik malah pelabur negara itu antara yang tertinggi melabur di negara ini.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengadakan pertemuan pertama dengan Obama pada 2010 di Washington ketika Persidangan Keselamatan Nuklear Sedunia kini dilanjutkan dengan lawatan ini yang memberi makna besar kepada Malaysia.

"Hubungan dagangan lebih kukuh boleh dijalinkan selepas lawatan ini dan ia jelas sekali menunjukkan Obama begitu komited dengan usaha mengeratkan hubungan dengan Asia.

Berbanding George W Bush sebelum ini yang tidak pernah berminat dengan Asia, sebab itu tidak pernah mengadakan lawatan ke sini kecuali Setiausaha Negaranya, Condoleeza Rice," katanya.

Beliau berkata, hubungan dua hala lebih erat ini disebabkan Obama akan membolehkan lebih ramai pelabur ke negara ini.

Sementara itu, Felo Kanan

“Hubungan dagangan lebih kukuh boleh dijalinkan selepas lawatan ini dan ia jelas sekali menunjukkan Obama begitu komited dengan usaha mengeratkan hubungan dengan Asia”

Rastam Mohd Isa,
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa


ngan dengan Asia.

Berbanding George W Bush sebelum ini yang tidak pernah berminat dengan Asia, sebab itu tidak pernah mengadakan lawatan ke sini kecuali Setiausaha Negaranya, Condoleeza Rice," katanya.

ISIS, Bunn Nagara, berkata kedatangan Obama tidak banyak menghubungkan hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Bimbang AS cuba luas kuasa ketenteraan

"Bagi saya AS cuba meluaskan kuasanya ke Asia yang selama ini kurang diberi perhatian, tetapi kita tidak mahu keselamatan rantau ini dicemar dengan campur tangan AS," katanya.



Beliau berkata, amat dibimbangi jika AS memperluaskan lagi kuasa ketenteraannya di rantau ini yang mana ketika ini beberapa negara termasuk Singapura dan Filipina menjadi rakan.

"Keselamatan Asia adalah tanggungjawab sepenuhnya di bahu negara sendiri bukan campur tangan AS, itu yang saya amat bimbang, perluasan kuasa ketenteraan yang sukar dikawal," katanya.